Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

139 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
142 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit
147 Kerjasama Serantau Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan RENTAS


Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata yang memudahkan pemindahan dan penyelesaian urus niaga pembayaran dan sekuriti antara bank yang bernilai tinggi. Pada tahun 2016, RENTAS menyelesaikan 4.4 juta urus niaga bernilai RM51.5 trilion, iaitu 41.9 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Jumlah purata urus niaga harian yang diselesaikan menerusi RENTAS meningkat sedikit kepada 18,013 urus niaga, manakala nilai purata urus niaga harian adalah lebih rendah pada RM208.7 bilion (2015: 17,900 urus niaga, RM217.8 bilion). Pertumbuhan jumlah purata harian sejak dua tahun lalu adalah sederhana dengan pertumbuhan purata sebanyak 0.7% setahun berbanding dengan purata 8.7% setahun antara tahun 2011 hingga 2014. Penurunan ini mencerminkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pindahan dana pihak ketiga menerusi RENTAS (Rajah 6.1), berikutan peningkatan penggunaan sistem pembayaran runcit yang lebih murah, seperti GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG), untuk pemindahan urus niaga yang bernilai rendah. Pindahan dana pihak ketiga mencakupi 77% daripada jumlah purata harian urus niaga RENTAS.

RENTAS terus berdaya tahan dan mengekalkan ketersediaan sistem yang tinggi pada paras 99.9% sepanjang tahun 2016. Paras ini dicapai semasa pelaksanaan penambahbaikan secara menyeluruh yang telah dirancang untuk RENTAS pada tahun 2016. Bank juga memulakan usaha untuk mewujudkan premis ketiga bagi menempatkan RENTAS Mini, iaitu aplikasi RENTAS yang berskala lebih kecil, sebagai langkah tambahan untuk meningkatkan daya tahan terhadap gangguan operasi. Premis ketiga ini akan berperanan sebagai kemudahan sokongan peringkat kedua sekiranya premis utama dan pusat pemulihan bencana gagal berfungsi secara serentak.

Pelaksanaan RENTAS Baharu pada 19 September 2016 melengkapkan satu lagi fasa penting dalam usaha Bank yang berterusan untuk meningkatkan prestasi RENTAS.

Rajah 6.1

RENTAS: Purata Urus Niaga Harian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Projek kerjasama seluruh industri ini telah bermula pada tahun 2013 dan melibatkan 67 peserta RENTAS. Antara ciri penting yang diperkenalkan dalam RENTAS Baharu termasuklah: (i) fungsi penyelesaian pelbagai mata wang untuk memudahkan penyelesaian mata wang asing; (ii) penggunaan piawaian pesanan Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (Society for Worldwide Interbank Financial Communication, SWIFT) untuk meningkatkan kecekapan operasi; dan (iii) mekanisme penyelesaian kebuntuan pembayaran (gridlock) untuk membolehkan penyelesaian bersih urus niaga yang tertangguh pada jarak waktu tertentu. Secara kolektif, penambahbaikan ini meningkatkan inisiatif Bank yang sedia ada untuk menambah baik pengurusan risiko dan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Penambahbaikan ini juga akan memudahkan integrasi RENTAS dengan infrastruktur pasaran kewangan serantau lain pada masa hadapan.

Bank merancang untuk menjalankan penilaian semula ke atas sistem RENTAS secara terperinci pada tahun 2017 untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) berikutan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. PFMI merupakan prinsip tahap tinggi berpiawaian antarabangsa yang digunakan sebagai penanda aras dan asas penilaian bagi sistem pembayaran dan penyelesaian yang penting dari segi sistemik kepada sesebuah negara. RENTAS dan pengendalinya, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dinilai telah mematuhi kesemua 19 prinsip yang berkenaan oleh Tabung Monetari Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia (World Bank) di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Programme, FSAP) pada tahun 2012.

Pihak bank memberikan tumpuan utama pada pengurusan risiko siber yang berkesan memandangkan ancaman serangan siber global yang semakin meningkat. Pada bulan Jun 2016, Jawatankuasa Pembayaran dan Infrastruktur Pasaran (Committee on Payments and Market Infrastructures, CPMI) dan Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (International Organisation of Securities Commissions, IOSCO) telah mengeluarkan *Guidance on Cyber Resilience for Financial Market Infrastructures*. SWIFT telah mengeluarkan saranan pada bulan Mac 2016 mengenai penggunaan pengurusan risiko IT dan kawalan keselamatan yang perlu bagi meningkatkan perlindungan infrastruktur perbankan daripada terdedah pada ancaman risiko siber.

Penilaian semula yang menyeluruh terhadap infrastruktur sistem pembayaran dan saluran akses mengikut piawaian ini dilaksanakan atas arahan Bank pada tahun 2016. Ia melibatkan penilaian dalaman oleh MyClear, Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan para peserta industri sistem pembayaran. Susulan penilaian semula ini, industri telah mengambil langkah seterusnya untuk memperkukuh kawalan keselamatan semasa.

Pengawasan pembayaran runcit

eSPICK dan sistem pembayaran runcit utama

Sistem pembayaran runcit[1] berfungsi dengan lancar pada tahun 2016 tanpa apa-apa gangguan utama kepada operasi sistem. Pada tahun 2016, sistem pembayaran runcit, melainkan sistem eSPICK dan FPX, telah mencapai ketersediaan sistem melebihi paras sasaran 99.90%. Sistem eSPICK dan FPX masing-masing telah mencapai 99.85% dan 99.89% ketersediaan sistem.

Pada tahun 2016, beberapa konfigurasi teknikal telah dilaksanakan untuk FPX di samping langkah penggantian teknologi (technology refresh) yang dijalankan untuk mencapai prestasi sistem optimum dalam jangka panjang. Pada masa yang sama, penilaian semula yang menyeluruh terhadap proses operasi dan infrastruktur IT bagi eSPICK juga sedang dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2017 dan akan memastikan ketersediaan sistem yang tinggi bagi sistem-sistem ini pada masa hadapan.

Selaras dengan peningkatan pesat urus niaga Pindahan Segera (Instant Transfer) sejak empat tahun yang lalu, yang meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 90.4% dari segi nilai dan 71.9% dari segi jumlah, langkah seterusnya telah diambil untuk mengurus risiko kredit antara bank yang berpunca daripada perbezaan masa antara pengkreditan akaun pelanggan dengan penyelesaian urus niaga antara bank. Pada bulan Mac 2016, MEPS, pengendali Pindahan Segera, telah memperkenalkan jendela penyelesaian tambahan, yang telah mengurangkan dedahan debit bersih harian tertinggi dengan ketara sebanyak 41.9%, daripada RM261.8 juta kepada RM152 juta.

[1] Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK), Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), Platform Pembayaran Bil Secara Elektronik Kebangsaan (National Electronic Bill Payment Scheme, JomPAY), Debit Terus (Direct Debit, DD), IBG dan Pindahan Segera (dahulunya dikenali sebagai Pindahan Dana Antara Bank atau IBFT).

Perpindahan kepada Cip dan PIN dan Spesifikasi Kad Cip Malaysia

Industri kini telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan pendekatan serampang dua mata bagi menambah baik infrastruktur kad pembayaran di Malaysia. Kemajuan ini termasuk:

- Perpindahan daripada pengesahan secara tandatangan kepada pengesahan menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number, PIN) (Cip dan PIN). Di bawah proses ini, pemegang kad dikehendaki memasukkan PIN 6 angka untuk meluluskan urus niaga kad pembayaran di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS); dan
- Inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification, MCCS) untuk meningkatkan fungsi saling boleh kendali dan kecekapan kad debit jenama domestik melalui penggunaan piawaian Europay-MasterCard-Visa (EMV) dan fungsi tanpa sentuhan.

Pengeluaran kad pembayaran bercirikan PIN bagi menggantikan kad sedia ada yang menggunakan pengesahan secara tandatangan dan proses menaik taraf terminal POS masing-masing telah bermula pada bulan Julai 2014 dan Ogos 2014. Pada akhir tahun 2016, sebanyak 84.7% kad pembayaran telah diganti, dan 78.6% terminal POS telah dinaik taraf (Rajah 6.2). Kad pembayaran dan terminal POS yang belum diganti, termasuk Terminal Pembayaran Luar (Outdoor Payment Terminal, OPT) di stesen minyak layan diri, dijangka diganti dalam masa terdekat. Sejajar dengan inisiatif ini, peraturan peralihan liabiliti (liability shift rules) Cip dan PIN telah dilaksanakan bagi urus niaga kad pembayaran domestik berkuat kuasa 1 Januari 2017. Di bawah peraturan baharu ini, kerugian akibat urus niaga tanpa kebenaran disebabkan kehilangan atau kecurian kad pembayaran akan ditanggung oleh pengeluar yang belum menggantikan kad pembayaran mereka atau pemeroleh yang belum menaik taraf terminal POS mereka.


Pemegang kad diberi tempoh peralihan selama enam bulan mulai 1 Januari 2017 untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan PIN sebelum pengesahan menggunakan PIN diwajibkan mulai 1 Julai 2017. Bagi menyokong peralihan ini, inisiatif berhubung dengan kesedaran dan pendidikan orang ramai dijalankan secara intensif oleh Bank dan industri perbankan untuk menggalakkan penggunaan PIN sebelum 1 Julai 2017.

Penipuan pembayaran

Kerugian akibat penipuan yang berkaitan dengan kad pembayaran secara relatif kekal rendah sejak perpindahan kepada kad pembayaran bercirikan cip pada tahun 2005 (Rajah 6.3). Jumlah kerugian akibat penipuan terus menurun pada tahun 2016, masing-masing mencakupi 0.019% dan 0.034% daripada jumlah urus niaga dan nilai (2015: 0.025%, 0.041%). Penipuan kad pembayaran yang paling lazim masih dikaitkan dengan urus niaga dalam talian tanpa kebenaran, mencakupi 70% daripada jumlah kes penipuan dan 58% daripada jumlah kerugian akibat penipuan. Hampir kesemua (97%) kerugian ini ditanggung oleh entiti yang berada di luar negara yang masih belum melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh. Hal ini selaras dengan peraturan yang dilaksanakan

Rajah 6.2

Kemajuan Pelaksanaan Cip dan PIN



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.3

Nilai dan Jumlah Penipuan Kad Pembayaran[1], % daripada Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



[1] Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj

Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh pengendali rangkaian kad pembayaran antarabangsa yang menghendaki pihak yang mempunyai langkah keselamatan yang lebih lemah menanggung kerugian akibat penipuan. Peraturan ini telah melindungi pemegang kad di Malaysia ekoran kaedah pengesahan kukuh yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 2012, yang menghendaki pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik untuk setiap urus niaga dalam talian.

Susulan perpindahan kepada langkah keselamatan yang lebih kukuh menerusi urus niaga bercirikan PIN, pada bulan Disember 2016, Bank telah mengkaji semula keperluan berkaitan dengan liabiliti pemegang kad bagi urus niaga tanpa kebenaran berpunca daripada kad pembayaran yang hilang dan dicuri. Di bawah keperluan yang dikaji semula, pemegang kad tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas urus niaga tanpa kebenaran di terminal POS kecuali jika mereka telah menipu atau gagal mengambil langkah yang sewajarnya[2] bagi melindungi kad pembayaran dan PIN, atau lambat memaklumkan kepada pengeluar kad pembayaran setelah menyedari kehilangan atau penggunaan kad tanpa kebenaran.

Kerugian akibat penipuan yang melibatkan penggunaan kad pembayaran dan perbankan dalam talian kekal rendah pada tahun 2016, masing-masing mencakupi 0.034% daripada jumlah nilai urus niaga kad pembayaran dan 0.0001% daripada jumlah nilai urus niaga perbankan dalam talian

Kes penipuan menerusi perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah pada tahun 2016, masing-masing pada 0.0003% dan 0.0001% (2015: 0.0008%, 0.0002%) daripada jumlah urus niaga dan nilai (Rajah 6.4). Secara khusus, kes penipuan bagi urus niaga runcit mengalami penurunan yang ketara,

Rajah 6.4

Nilai dan Jumlah Penipuan Perbankan Dalam Talian, % Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

masing-masing mencakupi 0.0004% dan 0.0016% daripada jumlah urus niaga dan nilai (2015: 0.0011%, 0.0022%). Kegiatan mencuri maklumat (phishing) iaitu tindakan yang diambil oleh penipu untuk memperdaya pengguna perbankan dalam talian supaya mendedahkan maklumat peribadi perbankan mereka (cth. ID log masuk dan kata laluan) dengan menyamar sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan atau bank menerusi telefon atau e-mel, kekal sebagai modus operandi yang paling lazim. Kes seperti ini mencakupi 86.1% daripada jumlah kes penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, jumlah kes menurun dengan ketara daripada 3,089 kes pada tahun 2015 kepada 1,635 kes pada tahun 2016 apabila Bank dan industri meningkatkan tumpuan untuk mendidik orang ramai mengenai amalan perbankan dalam talian yang selamat.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Dalam usaha mencapai matlamat pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang disasarkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, strategi terus ditumpukan pada peningkatan infrastruktur pembayaran untuk mencapai liputan yang lebih meluas serta penyelesaian dan perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap. Usaha menggantikan penggunaan cek telah ditumpukan pada penggalakan penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, manakala strategi utama menggantikan wang tunai adalah dengan menggalakkan penggunaan kad debit sebagai pilihan yang lebih mudah (Gambar Rajah 6.1). Penggunaan telefon mudah alih serta pembayaran mudah alih yang semakin pesat berkembang juga

[2] Pemegang kad perlu melindungi kad pembayaran dan PIN mereka dan tidak:
(a) mendedahkan PIN kepada orang lain;
(b) mencatatkan PIN di kad pembayaran atau pada apa-apa yang disimpan berhampiran dengan kad pembayaran yang boleh hilang atau dicuri bersama-sama dengan kad pembayaran;
(c) meninggalkan kad pembayaran atau apa-apa barang yang mengandungi kad pembayaran tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat atau diakses oleh orang lain; atau
(d) membenarkan orang lain menggunakan kad pembayaran tersebut.

berpotensi besar mempercepat proses perpindahan kepada e-pembayaran, terutamanya dalam kalangan peniaga kecil yang kebanyakannya masih berurus niaga menggunakan wang tunai.

Jumlah urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 18.1% pada tahun 2016 berbanding dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 14.0% sepanjang tempoh lima tahun yang lalu. Secara purata, rakyat Malaysia melakukan 97 urus niaga e-pembayaran per kapita (Jadual 6.1) berbanding dengan 83 pada tahun 2015. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh peningkatan urus niaga pindahan kredit dan kad pembayaran. Di samping itu, jumlah pelanggan perbankan Internet mencatat pertumbuhan sebanyak 15.3% kepada 22.8 juta pada tahun 2016 (2015: 12.2%, 19.8 juta). Daripada jumlah ini, 46.8% merupakan pelanggan aktif (2015: 41.9%) yang membuat sekurang-kurangnya satu urus niaga sebulan. Pelanggan perbankan mudah alih pula meningkat 22.9% kepada 8.9 juta (2015: 29.1%, 7.3 juta). Daripada jumlah ini, 34.1% merupakan pelanggan aktif (2015: 21.3%).

Jadual 6.1

Status Pencapaian Sasaran Pelan Sektor Kewangan

Penunjuk pembayaran	2011	2016	Sasaran 2020
Urus niaga e-pembayaran per kapita	49	97	200
Cek yang dijelaskan (juta)	205	133	100
Terminal kad pembayaran (setiap 1,000 penduduk)	7	10	25
Urus niaga kad debit per kapita	1	3	30

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, kad debit dan pembayaran mudah alih yang semakin pesat akan mempercepat usaha untuk mengurangkan penggunaan cek dan wang tunai

Gambar Rajah 6.1

Strategi untuk Mempercepat Perpindahan kepada e-Pembayaran

Bidang tumpuan	Penggantian cek	Penggantian wang tunai	
	Pindahan kredit[1] (dicapai oleh 99% daripada CASA[2])	**Kad Debit** (43.7 juta kad debit dalam edaran)[3]	**Pembayaran mudah alih** (43.9 juta langganan telefon mudah alih)[3]
1. Isyarat harga	• IBG (Fi maksimum sebanyak 10 sen) • Pindahan Segera (Fi maksimum sebanyak 50 sen)	• Had maksimum fi pertukaran[4] • Mengasingkan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate MDR)[5]	• Usaha ditumpukan ke arah menggalakkan akses kepada infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama, keseragaman dan fungsi saling boleh kendali yang terbuka dan adil untuk meningkatkan ekosistem pembayaran mudah alih
2. Kualiti dan tawaran nilai	• Masa pengkreditan yang lebih pantas untuk IBG • Butiran pembayaran dalam penyata bank	• Ciri tanpa sentuhan	
3. Pusat akses	• Perbankan dalam talian dan ATM	• 800,000 terminal POS menjelang tahun 2020	
4. Struktur insentif pasaran	• Dana Insentif E-pembayaran (ePIF)[6]	• Dana Pembangunan Pasaran (MDF)[7]	
5. Kesedaran dan keyakinan	• Jerayawara dan bengkel • Interaksi dengan media • Memperkukuh keperluan keselamatan • Meningkatkan perlindungan dan keselamatan pengguna		

[1] Pindahan kredit terdiri daripada IBG dan Pindahan Segera
[2] Akaun semasa dan akaun simpanan
[3] Meliputi 31.7 juta penduduk di Malaysia
[4] Fi pertukaran adalah yuran yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar dalam urus niaga kad pembayaran. Fi pertukaran telah dimasukkan dalam MDR yang dicaj oleh pemeroleh kepada peniaga
[5] MDR ialah fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh untuk memudahkan urus niaga kad pembayaran. Pemeroleh dikehendaki mengenakan caj MDR yang dibezakan yang mencerminkan struktur kos jenis kad pembayaran yang berbeza
[6] Rangka Kerja ePIF diperkenalkan pada tahun 2015 yang menghendaki bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikumpul bagi menyediakan insentif kepada pelanggan supaya beralih kepada e-pembayaran
[7] MDF telah ditubuhkan oleh dua skim kad pembayaran utama pada tahun 2015, yang dijangka menyalurkan dana berjumlah kira-kira RM455 juta daripada fi pertukaran ke arah memperluas rangkaian terminal POS bagi tempoh dari bulan Julai 2015 hingga tahun 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Momentum urus niaga pindahan kredit bagi menggantikan cek makin meningkat

Penggunaan cek untuk semua kategori pengguna utama (Jadual 6.2) menurun 10% kepada 133.1 juta pada tahun 2016 (2015: -16.5%, 148 juta) (Rajah 6.5). Penurunan ini seiring dengan peningkatan urus niaga pindahan kredit yang berterusan, dengan peningkatan tahunan sebanyak 31.2% kepada 256.9 juta urus niaga pada tahun 2016 (2015: 39.8%, 195.8 juta). Peningkatan berterusan ini sebahagiannya disebabkan oleh kos urus niaga yang lebih rendah dan insentif yang diberikan bagi penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, berikutan pelaksanaan beberapa langkah pembaharuan harga dan Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF) pada bulan Mei 2013 dan Januari 2015. Meskipun IBG mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 67.8% daripada jumlah keseluruhan urus niaga pindahan kredit, Pindahan Segera menjadi semakin popular apabila bahagiannya meningkat daripada 23.8% pada tahun 2015 kepada 32.2% pada tahun 2016. Peningkatan ini berikutan pengenalan ciri-ciri Pindahan Segera yang menyediakan pindahan wang secara masa nyata dan pengesahan nama penerima sebelum pindahan dilaksanakan.

Jadual 6.2


Penggunaan Cek Mengikut Kategori Pengguna Utama

Kategori pengguna utama (Bahagian daripada jumlah keseluruhan urus niaga pada tahun 2016)	Kadar purata penurunan setahun	
	2011-2013	2014-2016
Korporat (46%)	0.6%	9.3%
Individu (18%)	0.3%	16.9%
Milikan tunggal dan perkongsian (25%)	1.7%	12.4%
Agensi kerajaan (2%)	3.6%	14.5%

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.5

Jumlah Urus Niaga bagi Cek, IBG dan Pindahan Segera



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pindahan Segera semakin popular dengan bahagian yang meningkat kepada 32% daripada jumlah keseluruhan urus niaga pindahan kredit pada tahun 2016

Trend pembayaran bil elektronik yang menggalakkan

Penggunaan saluran elektronik (e-saluran) untuk pembayaran bil terus meningkat pada tahun 2016. Jumlah urus niaga pembayaran bil yang dilakukan melalui perbankan dalam talian, perbankan mudah alih dan Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM) meningkat 41.5% kepada 116 juta urus niaga (2015: 20.0%, 82 juta). Urus niaga pembayaran bil yang dilakukan melalui perbankan mudah alih telah meningkat dengan ketara melebihi dua kali kepada 11.7 juta urus niaga pada tahun 2016 (2015: 23.8%, 5.1 juta). Peningkatan ini menunjukkan daya tarikan perbankan mudah alih yang semakin meningkat sebagai saluran pembayaran bil yang lebih mudah. Platform pembayaran bil terbuka secara elektronik kebangsaan, JomPAY, mencatat 3.9 juta urus niaga bernilai RM2.8 bilion pada tahun 2016 (2015: 0.3 juta, RM0.1 bilion). Bilangan pengeluar bil yang berdaftar dengan JomPAY meningkat lebih dua kali daripada 472 pengeluar bil pada tahun 2015 kepada 1,105 pada tahun 2016. Peningkatan ini membolehkan orang ramai membuat pembayaran dalam talian daripada mana-mana akaun perbankan kepada lebih banyak pengeluar bil.


Peningkatan penggunaan kad pembayaran bagi menggantikan wang tunai

Pada tahun 2016, penggunaan kad pembayaran[3] terus meningkat dengan peningkatan sebanyak 9.2% dan 6.5% dari segi jumlah transaksi dan nilai, kepada 495.4 juta urus niaga yang bernilai RM150.8 bilion (2015: 453.9 juta, RM141.6 bilion) (Rajah 6.6).

[3] Kad pembayaran terdiri daripada kad debit, kad kredit dan kad caj.

Rajah 6.6


Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.7

Perbandingan Nisbah CIC kepada KDNK Antara Negara




Sumber: Bank Negara Malaysia, European Central Bank Statistical Data Warehouse, Norges Bank dan Bank for International Settlements

Kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling kerap digunakan, mencakupi 77% daripada jumlah urus niaga. Bahagian urus niaga kad debit telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan terminal POS yang disumbangkan oleh struktur fi yang lebih rendah dan telus. Ini adalah ekoran pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) oleh Bank pada tahun 2015. Pengurangan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR) purata untuk penerimaan kad debit sehingga sebanyak 28% bagi rangkaian kad debit jenama domestik dan 25% bagi rangkaian kad debit jenama antarabangsa dijangka menjadikan kos penerimaan kad debit lebih berpatutan bagi peniaga dan meningkatkan lagi penggunaan kad debit pada masa hadapan. Pembayaran yang lebih mudah menggunakan kad tanpa sentuhan juga telah membantu meningkatkan urus niaga kad pembayaran sepanjang tahun 2016. Peningkatan ini disokong oleh pertambahan jumlah terminal POS tanpa sentuhan, yang meningkat hampir tujuh kali daripada 4,839 terminal pada tahun 2015 kepada 33,721 pada tahun 2016.

Meskipun penggunaan kad pembayaran terus meningkat, penggunaan wang tunai secara relatif masih pada kadar yang agak tinggi. Penggunaan yang tinggi ini mencerminkan penggunaan wang tunai yang masih berleluasa sebagai medium pembayaran di Malaysia (Rajah 6.7). Nisbah wang tunai dalam edaran (cash-in-circulation, CIC) kepada KDNK terus meningkat, daripada 5.9% pada tahun 2011 kepada 7.0% pada tahun 2016. Meskipun nisbah pengeluaran tunai ATM kepada urus niaga kad debit berada pada trend menurun sejak tahun 2011, nisbah ini secara relatif masih tinggi dengan tujuh pengeluaran tunai ATM bagi setiap urus niaga kad debit pada tahun 2016 (Rajah 6.8). Nisbah ini tidak mengambil kira bilangan pemegang kad yang turut menggunakan kad kredit sebagai cara pembayaran dan kemudiannya menyelesaikan baki tertunggak mereka sepenuhnya sebelum tarikh akhir bayaran. Selain langkah-langkah yang dinyatakan sebelum ini bagi menggalakkan penggunaan kad debit secara lebih meluas, peningkatan kesedaran dan juga promosi oleh pihak bank bagi menggalakkan penggunaan kad debit melalui kempen kad debit di seluruh industri dan jerayawara (roadshow) di seluruh negara dijangka mempercepat penggantian wang tunai.

Rajah 6.8

Pengeluaran Tunai Melalui ATM dan Urus Niaga Kad Debit




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pusat penerimaan kad pembayaran semakin bertambah

Pengenalan had maksimum fi pertukaran dan peningkatan ketelusan kos penerimaan kad pembayaran untuk peniaga di bawah PCRF telah menyebabkan MDR purata bagi kad debit dan kad kredit terus menurun (Rajah 6.9). Di bawah PCRF, peniaga juga diberi hak untuk memproses urus niaga kad debit melalui rangkaian kad debit pilihan mereka. Hal ini telah mendorong peningkatan persaingan antara rangkaian kad debit. Kesannya, rangkaian kad debit berjenama antarabangsa utama telah menurunkan fi pertukaran mereka dan seterusnya menyebabkan turunnya kadar MDR yang dikenakan ke atas para peniaga. Jumlah penjimatan kos oleh peniaga berikutan penurunan MDR bagi kad debit dan kad kredit dianggarkan bernilai RM168 juta pada tahun 2016. MDR yang lebih rendah berserta penubuhan Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund, MDF) pada tahun 2015 telah merangsang peningkatan terminal POS, yang berkembang pada kadar dua angka sebanyak 19.6% pada tahun 2015 dan 17.5% pada tahun 2016 (2011-2014: purata sebanyak 6.5% setahun). Pada tahun 2016, bilangan terminal POS meningkat kepada 323,033 terminal atau 10 terminal bagi setiap 1,000 penduduk (2015: 274,986 terminal, 9 terminal bagi setiap 1,000 penduduk).

Rajah 6.9

MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memupuk persekitaran yang menyokong pembayaran mudah alih

Pembayaran mudah alih berpotensi besar untuk menggantikan penggunaan wang tunai, memandangkan terdapat 43.9 juta langganan telefon mudah alih yang meliputi 31.7 juta individu di Malaysia. Ia juga menyokong inisiatif untuk menggalakkan rangkuman kewangan. Pertumbuhan urus niaga kewangan yang dilaksanakan melalui saluran perbankan mudah alih mencecah hampir tiga kali daripada 35.6% pada tahun 2015 kepada 98.0% pada tahun 2016, mencakupi 62.6 juta urus niaga bernilai RM33 bilion (2015: 31.6 juta urus niaga, RM20.6 bilion).

Bank akan terus memupuk persekitaran yang menyokong penggunaan pembayaran mudah alih dengan lebih meluas. Ini termasuk menggalakkan fungsi saling boleh kendali melalui infrastruktur yang dikongsi bersama dan terbuka bagi memperluas capaian rangkaian pembayaran, menurunkan kos bayaran, serta menggalakkan inovasi perkhidmatan nilai ditambah. Salah satu strategi utama pada tahun 2017 adalah untuk memupuk kerjasama dan fungsi saling boleh kendali antara skim pembayaran mudah alih dengan memanfaatkan infrastruktur yang sama untuk pensuisan, penjelasan dan penyelesaian. Strategi ini disokong oleh usaha untuk membangunkan pangkalan data pusat bagi memudahkan pembayaran dibuat menggunakan pengenal pasti lazim seperti nombor telefon mudah alih dan nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (National Registration Identity Card, NRIC). Untuk menggalakkan kesaksamaan dalam ekosistem pembayaran, Bank akan mempermudah akses kepada infrastruktur pembayaran kongsian oleh peserta secara terbuka dan adil dengan peraturan yang sewajarnya. Hal ini dijangka mewujudkan landskap pembayaran yang lebih teguh dan inovatif, yang mendorong peningkatan yang berterusan dalam perkhidmatan pembayaran, seiring dengan perubahan teknologi baharu dan peralihan permintaan pengguna.

Memupuk kesedaran dan keyakinan terhadap e-pembayaran

Bank terus bekerjasama rapat dengan industri perbankan untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan dalam kalangan pengguna dan peniaga bagi menggunakan perkhidmatan e-pembayaran yang berkesan dari segi kos.

Pada tahun 2016, program Jerayawara e-Pembayaran Kebangsaan (Jerayawara) telah diadakan di 20 buah bandar meliputi sembilan buah negeri, menerusi kerjasama dengan persatuan-persatuan perbankan dan Kumpulan Kad Kebangsaan (National Cards Group). Jerayawara yang diadakan sebahagian besarnya dihadiri oleh peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro yang matlamatnya adalah untuk menggalakkan penggunaan kad pembayaran, pindahan dana secara elektronik

dan perkhidmatan perbankan dalam talian. Program ini juga merupakan satu peluang untuk mendidik peserta mengenai amalan yang selamat dalam melaksanakan urus niaga e-pembayaran. Bersempena dengan program jerayawara tersebut, beberapa cawangan bank terpilih juga telah menawarkan pelbagai insentif di bawah kempen perbandaran, seperti tawaran MDR yang lebih rendah dan sewaan terminal POS secara percuma kepada peniaga yang mendaftar untuk menerima kad pembayaran.

Transformasi Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan

Pada tahun 2001, Bank telah menubuhkan Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan (National Payments Advisory Council, NPAC) sebagai sebuah badan rujukan dan penasihat untuk memberikan input pasaran berkaitan perkara yang melibatkan sistem pembayaran di Malaysia. NPAC dipengerusikan oleh Gabenor Bank dan ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan badan kawal selia, kementerian dan jabatan Kerajaan yang berkenaan, persatuan-persatuan perbankan, insurans, takaful dan kad, bank-bank utama, serta pengendali perkhidmatan sistem pembayaran utama di Malaysia.

Berdasarkan jangkaan bahawa landskap pembayaran akan mengalami perubahan pesat dan keperluan untuk mempertingkatkan infrastruktur pembayaran pada masa hadapan, beberapa perubahan telah diperkenalkan pada tahun 2016 untuk meningkatkan struktur dan fungsi NPAC sebagai badan penetap strategi dan penyelaras industri (Gambar Rajah 6.2). Dua Jawatankuasa Perunding telah ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Perunding Pengguna (User Consultative Group, UCG) dan Jawatankuasa Perunding Penyedia Perkhidmatan (Service Provider Consultative Group, SPCG), yang mewakili kedua-dua belah pihak dari segi permintaan dan penawaran dalam ekosistem pembayaran. UCG dan SPCG menyediakan platform yang lebih berstruktur dan inklusif untuk mendapat maklum balas dan cadangan daripada pengguna akhir dan penyedia perkhidmatan pembayaran bagi meningkatkan mutu sistem pembayaran. Input ini menjadi asas bagi cadangan dan resolusi yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Pemandu NPAC mengenai keutamaan strategik dan taktikal bagi pembangunan landskap pembayaran di Malaysia.

Gambar Rajah 6.2

Komposisi NPAC yang telah Ditransformasikan



Sumber: Bank Negara Malaysia

KERJASAMA SERANTAU SISTEM PEMBAYARAN

Pada bulan April 2016, Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) telah meluluskan Rancangan Tindakan Strategik (Strategic Action Plan, SAP) untuk Integrasi Kewangan ASEAN 2025. SAP merupakan rangka kerja 10 tahun bagi meneruskan usaha-usaha di bawah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC) yang sedia ada. Bank, melalui Jawatankuasa Kerja ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS), akan menyumbang dan menyokong inisiatif yang dikenal pasti di bawah SAP bagi memupuk satu sistem pembayaran ASEAN yang selamat, inovatif, berdaya saing, cekap dan berkesan dari segi kos. Bank juga merupakan ahli kumpulan pengkaji yang ditubuhkan pada tahun 2016 di bawah Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Working Group on Payment and Settlement Systems, WGPSS) bagi Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), untuk mengkaji kesan teknologi kewangan (financial technology, FinTech) ke atas sistem pembayaran dan penyelesaian, termasuk implikasinya ke atas ahli-ahlinya yang terdiri daripada bank-bank pusat.